

23 SEP 1999

TMNET-PELANGGAN

TMNET MERDEKA '99 TERIMA 5,000 PELANGGAN

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- TMNet Merdeka'99 Telekom Malaysia Bhd membuat tawaran yang bertujuan untuk membolehkan rakyat Malaysia memiliki komputer peribadi dan mempunyai akses Internet, telah menerima 5,000 pelanggan sehingga ini dan banyak lagi dijangka memilikinya.

Di dalam satu kenyataan hari ini, Telekom berkata bahawa TMNet Merdeka'99 adalah untuk menggalakkan konsep "sebuah rumah sebuah komputer peribadi" yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Promosi itu mencerminkan komitmen Telekom dalam membantu negara menjadi celik teknologi maklumat (IT), katanya.

Dengan promosi itu para pelanggan dibenarkan membeli sebuah komputer peribadi melalui pelan langganan empat tahun dengan 1,200 jam akses internet TMNet pada bayaran bulanan yang termampu RM88.88, kata Telekom.

Di samping itu, promosi itu termasuk deposit dan pemasangan percuma dan sehingga dua bulan sewaan percuma ke atas TMNet Bonus Line.

Promosi itu akan dilancarkan pada 31 Ogos, 1999 dan berakhir pada 30 Sept 1999. Sebagai galakan, pemohon yang diluluskan akan menerima sebuah hadiah misteri daripada TMNet jika keratan akhbar iklan TMNet Merdeka'99 disertakan dengan permohonan mereka di mana-mana Kedai Telekom.

TMNet merancang menyediakan rakyat Malaysia untuk lebih banyak perkhidmatan nilai ditambah seperti web hosting, e-dagang, broadband dan banyak lagi produk berkaitan internet yang direka untuk menjadikan gaya hidup rakyat Malaysia lebih mudah.

Promosi TMNet Merdeka'99 adalah satu usaha niaga bersama oleh Telekom, Unimaya Sdn Bhd dan Valquis Systems Integration Sdn Bhd. -- BERNAMA

MFZ FR OS